

Jenis Akhbar : BH Online
Tarikh : 09/12/2017
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my



DATUK Abdul Fattah Abdullah (dua kiri) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Mohd Haidi Sulaiman (kiri) beramah mesra dengan peserta Seminar Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan 2017 di Hotel Impiana. - Foto Effendy Rashid

ANGKASA mahu sertai Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

Oleh Balqis Jazimah Zahari

IPOH: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menawarkan diri menjadi ahli jawatankuasa Majlis Tindakan Sara Hidup Negara sebagai usaha membantu rakyat menangani kos sara hidup yang semakin meningkat.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pihaknya menyokong usaha kerajaan menubuhkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bagi mengatasi masalah kos sara hidup dan orang tengah yang diumumkan ketika Perhimpunan Agung UMNO 2017 (PAU 2017) yang berakhir semalam.

"Kenaikan kos sara hidup ini bukan dilihat dari segi barang makanan sahaja tetapi pelbagai elemen seperti pengangkutan dan perumahan.

"Justeru, kita menyokong penuh usaha kerajaan menubuhkan majlis tindakan dan berharap dapat menjadi ahli jawatankuasa sebagai inisiatif membantu rakyat menangani masalah kos sara hidup mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Seminar Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan 2017 di sini hari ini.

Program anjuran Bahagian Pembangunan Kepenggunaan dan Sektor Komuniti ANGKASA itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Mohd Haidi Sulaiman.

Seramai 150 wakil koperasi kariah masjid dari seluruh negara menyertai seminar yang bertujuan memberi pendedahan bagi menggerakkan koperasi masjid agar terus relevan untuk bersaing dengan keperluan dan kehendak pasaran.

Abdul Fattah berkata, selari dengan penubuhan majlis tindakan itu, penubuhan lebih banyak koperasi kariah masjid di negara ini diyakini dapat menjadi platform dalam menangani kos sara hidup.

"Kita yakin dengan peningkatan perolehan dicapai koperasi kariah masjid ketika ini membuktikan bahawa ia antara koperasi komuniti yang popular yang diterima oleh masyarakat sebagai saluran untuk mengatasi masalah kos kenaikan sara hidup yang dihadapi masyarakat.

"Saya menyarankan supaya kerajaan dan agensi yang lain menggunakan koperasi kariah masjid sebagai pendekatan bagi memastikan rakyat mendapat bekalan barangan keperluan harian yang lebih kompetitif seperti yang dibentang melalui usul semalam," katanya

Terdahulu, Penubuhan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara dicadangkan oleh EXCO Pemuda UMNO, Jamawi Jaafar, ketika membahaskan Usul Ekonomi di PAU.

Semalam, Wakil Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata penubuhan majlis itu dipersetujui oleh Presiden UMNO yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Pada perhimpunan Hamzah berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kos Sara Hidup turut bersetuju dengan cadangan berkenaan.